Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Chaah Bahru. No. P.T.D.—4239. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1524. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 113/2008 bertarikh 7 Januari 2008.

Bertarikh 3 Januari 2017

[PTBP/02/04/0502/75/2016(16)]

MOHD. FAIZ BIN MOHD. SALLEH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Batu Pahat*

**No. 393.**

(Seksyen 257 dan 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAIN**

Saya, Mohd. Amirza bin Misnadi, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 8 Mac 2017 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM250,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu OCBC Bank (Malaysia) Berhad pada tarikh 23 November 2016 ini ialah RM250,416.41.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM25,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 5 Julai 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Parit Bakar. No. Lot—11397. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5125. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2050/2014 bertarikh 27 April 2014.

Bertarikh 23 November 2016  
[PTDM(LEL) 31/2016]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Muar*

**No. 394.**

(Seksyen 257 dan 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Saya, Mohd. Amirza bin Misnadi, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 17 Mei 2017 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM55,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu OCBC Bank (Malaysia) Berhad pada tarikh 21 Disember 2016 ini ialah RM52,783.20.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM5,500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Lima Ratus Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuahkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuahkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 13 September 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Bandar. No. Lot—19943. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 9812. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 5424/2013 bertarikh 31 Oktober 2013.

Bertarikh 21 Disember 2016  
[PTDM(LEL) 36/2016]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI  
b.p. Pentadbir Tanah  
Muar

**No. 395.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Amirza bin Misnadi, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 8 Februari 2017 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM165,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu AmBank (M) Berhad pada tarikh 21 Disember 2016 ini ialah RM288,735.49.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM16,500.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Ribu Lima Ratus Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 7 Jun 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Terap. No. Lot—8973. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3307. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2812/2008 bertarikh 8 Mei 2008.

Bertarikh 21 Disember 2016  
[PTDM(LEL) 55/2016]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Muar*

**No. 396.**

(Seksyen 257 dan 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Saya, Syed Norul Shahril bin Syed Nasir, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kecil Labis, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 7 Mac 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Labis; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja).
- 2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu AmBank (M) Berhad pada tarikh ini ialah RM111,710.55 setakat 7 Disember 2016.
- 3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja);
  - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhi oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) sekiranya keseluruhan harga belian boleh dibayar selepas tukul dijatuhi oleh pembida yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
    - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 4 Julai 2017 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
  - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Daerah—Labis. Mukim—Chaah. No. P.T.D.—3193. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4031 (Rumah Kediaman). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 733/2004 bertarikh 19 Oktober 2004.

Bertarikh 7 Disember 2016  
[PPTDL(LR) 8/2016]

SYED NORUL SHAHRIL BIN SYED NASIR  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Labis*

**No. 397.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Norazimah binti Maaksom, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 14 Februari 2017 di Pejabat Tanah, Segamat jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM107,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tujuh Ribu Sahaja) dan RM85,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lima Ribu Sahaja).

2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Bank Pertanian Malaysia Berhad pada tarikh ini adalah RM98,231.70.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM10,700.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Tujuh Ratus Sahaja) dan RM8,500.00 (Ringgit Malaysia Lapan Ribu Lima Ratus Sahaja).
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada (120 hari) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 13 Jun 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Jementah. No. Lot/Petak/P.T.—P.T.D. 7112 dan Lot 5327. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3902 dan G.M. 2588. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1268/2008 bertarikh 28 Ogos 2008.

Bertarikh 19 Disember 2016  
[PTDS.HM(L) 9/2015]

NORAZIMAH BINTI MAAKSOM  
b.p. Pentadbir Tanah  
Segamat

**No. 398.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Izzul Helmi bin Ahmad, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 7 Mac 2017 di Pejabat Pentadbir Tanah, Bangunan Sultan Ismail, 82000 Pontian, Johor jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM300,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu Sahaja) bagi hakmilik iaitu H.S.(M) 2284, P.T.D. 4199, Mukim Sungai Pinggan.
- 2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini RM201,501.00 setakat 6 September 2016 nama pemegang gadaian Public Bank Berhad yang beralamat di No. 17 & 19, Jalan Bintang Ria 1, Taman Bintang Ria, 86200 Simpang Renggam, Johor.
- 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM30,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuahkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuahkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Pinggan. No. P.T.D.—4199. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2284. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1836/2012 bertarikh 26 Jun 2012.

Bertarikh 19 Disember 2016  
[PTDP 13/8/2016]

MOHD. IZZUL HELMI BIN AHMAD  
b.p. Pentadbir Tanah  
Pontian

**No. 399.**

(Seksyen 257 dan 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Saya, Muhammad Ammar Akmal bin Senan, Penolong Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperhal di bawah ini bagi tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperhal sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Isnin 3 April 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Mersing, Johor; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah sebagaimana berikut H.S.(M) 3446, P.T.D. 14510, Mukim Mersing; H.S.(M) 3447, P.T.D. 14978, Mukim Mersing; H.S.(M) 3448, P.T.D. 14512, Mukim Mersing dan P.M. 441, Lot 21084, Mukim Mersing adalah RM130,500.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Puluh Ribu Lima Ratus Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Bank Pertanian Malaysia Berhad pada tarikh ini ialah RM67,138.30 setakat 22 Jun 2016.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM13,050.00 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Ribu Lima Puluh Sahaja) dengan draf bank atau cashier's order atas nama Bank Pertanian Malaysia Berhad sebelum lelong awam dimulakan;
  - (b) keseluruhan harga belian/bidaan hendaklah dibayar dan dicukupkan sebanyak 10%, serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
    - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 31 Julai 2017 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan

- (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Daerah—Mersing. Mukim—Mersing. No. Lot/Petak/P.T.—P.T.D. 14510 (0.9409 hektar), P.T.D. 14978 (0.1012 hektar), P.T.D. 14512 (0.5564 hektar) dan Lot 21084 (1.1210 hektar). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3446, H.S.(M) 3447, H.S.(M) 3448 dan P.M. 441. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 713/2011 bertarikh 8 November 2011.

Bertarikh 29 Disember 2016

[PTD(MG) 4/2/5/2015(30)]

MUHAMMAD AMMAR AKMAL BIN SENAN

*Penolong Pentadbir Tanah*

*Mersing*

**No. 400.**

(Seksyen 257 dan 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Saya, Mohd. Faiz bin Azman, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 24 Januari 2017 di Pejabat Tanah Kulai yang beralamat di Bangunan Pejabat Kerajaan, Jalan Pejabat Kerajaan, 81000 Kulai, Johor jam 9.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM430,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Malayan Banking Berhad pada tarikh ini ialah RM233,501.02.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM43,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Tiga Ribu Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhi oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhi oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 24 Mei 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kulai. Bandar/Pekan/Mukim—Kulai. No. P.T.D.—103921. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1578. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 176/2013.

Bertarikh 1 Januari 2017

[K(PEN) 23/2016]

MOHD. FAIZ BIN AZMAN

*b.p. Pentadbir Tanah  
Kulai*

**No. 401.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Faiz bin Azman, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 31 Januari 2017 di Pejabat Tanah Kulai yang beralamat di Bangunan Pejabat Kerajaan, Jalan Pejabat Kerajaan, 81000 Kulai, Johor jam 10.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM90,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu AmBank (M) Berhad pada tarikh ini ialah RM124,071.67.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM9,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Ribu Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 31 Mei 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kulai. Bandar/Pekan/Mukim—Senai. No. Lot—72321. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1711. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 230/2002.

Bertarikh 1 Januari 2017  
[K(PEN) 27/2016]

MOHD. FAIZ BIN AZMAN  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kulai*

**No. 402.**

[Subseksyen 262(3)]

## PENANGGUHAN TARIKH SIASATAN

Kepada Chong Ngeok Far @ Valliamah dan Mohan a/l Muniandy yang beralamat di No. 19, Jalan Perdana 3, Taman Perdana, Kampung Gajah, 86000 Kluang, Johor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa Siasatan Perintah Jual bagi tanah yang telah ditetapkan pada hari Rabu 14 Disember 2016 jam 2.30 petang bertempat di Pejabat Tanah Daerah Kluang ditangguhkan pada hari Rabu 24 Mei 2017 jam 2.30 petang bertempat di Pejabat Tanah Daerah Kluang.

Sila hadir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. Lot—25737. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 594. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1440/2001 bertarikh 29 Jun 2001.

Bertarikh 20 Disember 2016  
[Bil. (10)dlm.PTDK(PJ) 46/2015]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

**No. 403.**

[Subseksyen 262(3)]

## PENANGGUHAN TARIKH SIASATAN

Kepada Mohd. Kori @ Zakaria bin Ismail yang beralamat di No. 15, Lorong 5/2, Taman Bertuah 1, 86000 Kluang, Johor dan No. 37, Jalan Kenari, Felda Kahang Timur, 86000 Kluang, Johor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa Siasatan Perintah Jual bagi tanah yang telah ditetapkan pada hari Rabu 14 Disember 2016 jam 3.15 petang bertempat di Pejabat Tanah Daerah Kluang ditangguhkan pada hari Rabu 15 Mac 2017 jam 2.30 petang bertempat di Pejabat Tanah Daerah Kluang.

Sila hadir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. P.T.D.—12687. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3104. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2199/2010 bertarikh 26 Mei 2010.

Bertarikh 20 Disember 2016  
[Bil. (10)dlm.PTDK(PJ) 79/2015]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

**No. 404.****MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

MENGENAI PENYATA KEWANGAN

MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015**LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (Majlis) bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

**TANGGUNGJAWAB MAJLIS TERHADAP PENYATA KEWANGAN**

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

**TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT**

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

**PENDAPAT**

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

MOHD. SAID BIN SUPAR  
*b.p. Ketua Audit Negara*  
*Malaysia*

Tarikh: 5 September 2016

**PENGAKUAN BERKANUN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Saya, Zarina binti Dato' Haji Mohd Ali (K.P. 751129-01-5324), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, dengan ikhlasnya mengaku bahawa Penyata Kewangan yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan seperti yang dibentangkan pada mukasurat 1 hingga 30 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya                )  
diakui oleh penama di atas                )  
di Johor Bahru                                )  
pada 28 Ogos 2016                            )

Di hadapan saya,

HAJI MD. HAARYAF BIN BUGAL  
*Pesuruhjaya Sumpah*  
*Malaysia*

Tarikh: 28 Ogos 2016

**PENYATA YANG DIPERTUA DAN KETUA WHIP, AHLI MAJLIS  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Kami, Dr. Badrul Hisham bin Kassim dan Samat bin Atan yang merupakan Yang Dipertua dan Ketua WHIP, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dengan ini menyatakan bahawa, bagi pihak Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan seperti yang dibentangkan di mukasurat 1 hingga 30 telah disediakan dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang sebenar dan munasabah mengenai kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

DR. BADRUL HISHAM BIN KASSIM  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Johor Bahru*  
*Tengah*

SAMAT BIN ATAN  
*Ketua WHIP*  
*Majlis Perbandaran Johor Bahru*  
*Tengah*

Tarikh: 28 Ogos 2016

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

19hb Jan. 2017]

349

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	2	127,859,057	122,504,146
Pelaburan Jangka Panjang	3	10,000,000	11,000,000
Kerja Dalam Pembangunan	4	<u>6,454,806</u>	<u>9,514,980</u>
		<u>144,313,863</u>	<u>143,019,126</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Penghutang	5	44,110,886	31,918,892
Penghutang Pelbagai	6	2,184,879	823,947
Deposit Tetap	7	303,859,806	299,383,273
Tunai Dan Baki Bank	8	<u>131,474,088</u>	<u>75,490,343</u>
		<u>481,629,659</u>	<u>407,616,455</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Wang Amanah	9	77,712,821	68,552,345
Pembiutang	10	37,023,046	25,618,194
Pembiutang Pelbagai	11	<u>10,807,670</u>	<u>10,045,130</u>
		<u>125,543,537</u>	<u>104,215,669</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>			
		<u>356,086,122</u>	<u>303,400,786</u>
		<u>500,399,985</u>	<u>446,419,912</u>

### DIBIAYAI OLEH:

<b>Kumpulan Wang-Kumpulan Wang</b>			
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis	12	340,872,769	299,444,791
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	13	150,430,044	137,141,413
Kumpulan Wang Pembangunan	14	476,762	1,189,017
Kumpulan Wang Pelbagai	15	<u>708,093</u>	<u>447,991</u>
		<u>492,487,668</u>	<u>438,223,212</u>
Pemberian Tertunda	16	<u>7,912,317</u>	<u>8,196,700</u>
		<u>500,399,985</u>	<u>446,419,912</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 353 hingga 372 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

DR. BADRUL HISHAM BIN KASSIM  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Johor Bahru*  
*Tengah*

ABDUL MALIK BIN HAJI ISMAIL  
*Setiausaha*  
*Majlis Perbandaran Johor Bahru*  
*Tengah*

Tarikh: 28 Ogos 2016

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

350

[19hb Jan. 2017]

## PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Cukai	17	168,215,127	120,657,629
Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	18	9,815,868	10,018,456
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	19	14,921,926	15,923,952
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	20	915,952	1,199,180
Sewaan	21	5,071,119	5,260,224
Faedah Simpanan Tetap, Simpanan Semasa Dan Pelaburan	22	10,444,136	6,033,402
Lain-Lain Faedah	23	1,270,847	752,044
Denda Dan Hukuman	24	4,830,397	3,366,109
Pulangbalik Perbelanjaan	25	437,693	323,192
Terimaan Dari Agensi Kerajaan	26	10,310,270	9,875,547
		<u>226,233,335</u>	<u>173,409,735</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Gaji Dan Upahan	27	15,031,685	15,156,560
Elaun Tetap	28	4,591,846	4,613,282
Elaun Untuk Ahli-Ahli Majlis	29	311,050	244,075
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan Awam	30	3,158,708	2,693,387
Elaun Lebih Masa	31	2,611,594	1,774,567
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	32	999,542	1,015,725
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	33	553,293	532,974
Pengangkutan Barang-Barang	34	9,218	7,135
Perhubungan	35	440,225	350,698
Utiliti	36	13,115,160	12,575,920
Sewaan	37	1,103,817	472,999
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	38	1,070,430	1,044,984
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	39	2,749,513	1,731,845
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Dibeli	40	82,352,388	46,225,396
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	41	12,169,332	6,816,025
Alat Kelengkapan	42	3,877,146	3,583,346
Anak Pokok Dan Benih	43	255,576	193,631
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	44	2,801,122	1,513,851
Pulangbalik Dan Hapsukira	45	859,523	2,538,843
Cukai Dan Pelbagai	46	637,480	590,930
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan Pembangunan	47	5,566,801	5,457,850
	48	<u>30,539,908</u>	<u>27,383,877</u>
		<u>184,805,357</u>	<u>136,517,900</u>
Lebihan Pendapatan		<u>41,427,978</u>	<u>36,891,835</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 353 hingga 372 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

DR. BADRUL HISHAM BIN KASSIM  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Johor Bahru*  
*Tengah*

ABDUL MALIK BIN HAJI ISMAIL  
*Setiausaha*  
*Majlis Perbandaran Johor Bahru*  
*Tengah*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

19hb Jan. 2017]

351

**PENYATA PERUBAHAN DANA  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015**

	Kumpulan Wang Terkumpul Majlis RM	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Pelbagai RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari 2014	262,552,956	111,634,535	993,709	480,177	375,661,377
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	36,891,835	–	–	–	36,891,835
Terimaan	–	56,293,129	1,399,915	1,325,917	59,018,961
Perbelanjaan	–	(30,786,251)	(1,204,607)	(1,358,103)	(33,348,961)
Baki Pada 31 Disember 2014	299,444,791	137,141,413	1,189,017	447,991	438,223,212
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	41,427,978	–	–	–	41,427,978
Terimaan	–	42,544,827	449,152	1,154,269	44,148,248
Perbelanjaan	–	(29,256,196)	(1,161,407)	(894,167)	(31,311,770)
Baki Pada 31 Disember 2015	340,872,769	150,430,044	476,762	708,093	492,487,668

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti pada halaman 353 hingga 372 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

352

[19hb Jan. 2017]

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
<b>ALIRAN TUNAI DAN AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan Pendapatan	41,427,978	36,891,835
Pelarasan Bagi:		
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	5,566,801	5,457,850
Faedah Simpanan Tetap, Simpanan Semasa	(10,444,136)	(6,033,402)
Dan Pelaburan		
Lain-Lain Faedah	(1,270,847)	(752,044)
Kerugian Atas Hapuskira Hartanah, Loji	-	5,461
Dan Peralatan		
Pindahan Pendapatan Dari Pemberian Tertunda	(284,383)	(284,382)
Lebihan Pendapatan Operasi		
Sebelum Perubahan Modal Kerja	<u>34,995,413</u>	<u>35,285,318</u>
Perubahan Dalam Modal Kerja		
Kurangan/(Tambah) Dalam Aset Semasa:		
Penghutang	(12,191,994)	(1,603,007)
Penghutang Pelbagai	(1,360,933)	4,752,867
Tambahan/(Kurangan) Dalam Liabiliti Semasa:		
Pemiutang	11,404,853	12,881,320
Pemiutang Pelbagai	762,540	5,595,953
Wang Amanah	<u>9,160,476</u>	<u>7,401,543</u>
Perubahan Bersih Dalam Modal Kerja	7,774,942	29,028,676
Tunai Hasil Daripada Operasi	<u>42,770,355</u>	<u>64,313,994</u>
Tunai Bersih Daripada Aktiviti-Aktiviti Operasi	<u>42,770,355</u>	<u>64,313,994</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN:</b>		
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	(2,545,814)	(1,388,014)
Pelaburan Jangka Panjang	1,000,000	2,000,000
Kerja Dalam Pembangunan	(5,315,724)	(5,497,278)
Faedah Diterima Dari Simpanan Tetap Dan	10,444,136	6,033,402
Simpanan Semasa		
Lain-Lain Faedah	1,270,847	752,044
Tunai Bersih Daripada Aktiviti-Aktiviti Pelaburan	<u>4,853,445</u>	<u>1,900,154</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN:</b>		
Kumpulan Wang Terkumpul ISF	13,288,631	25,506,878
Kumpulan Wang Pembangunan	(712,255)	195,308
Kumpulan Wang Pelbagai	260,102	(32,186)
Tunai Bersih Daripada Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan	<u>12,836,478</u>	<u>25,670,000</u>
Pertambahan Tunai Bersih Dalam Tahun	60,460,277	91,884,148
Tunai Dan Penyamaan Tunai Pada Awal Tahun – Nota 49	374,873,616	282,989,468
Tunai Dan Penyamaan Tunai Pada Akhir Tahun – Nota 49	<u>435,333,894</u>	<u>374,873,616</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 353 hingga 372 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015**

**1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan kepada Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan mematuhi peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Dasar-dasar Perakaunan yang digunakan adalah seperti berikut:

**1.1. ASAS PERAKAUNAN**

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah dan konsep akruan.

**1.2. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos dan ditolak susutnilai terkumpul dan kejejasan nilai terkumpul. Dasar Perakaunan bagi susutnilai hartaanah, loji dan peralatan adalah kaedah garis lurus kecuali tanah pajakan. Bagi tanah hakmilik pajakan, pelunasan adalah dikira berdasarkan Tempoh Pajakan bagi jangka hayat pajakan tanah tersebut. Tanah tanpa hakmilik dan tanah tapak pelupusan sampah tidak dilunaskan kerana tiada kepastian berkenaan tempoh pegangannya. Harta yang tamat jangkahayat ditinggalkan sebagai kos nominal. Kadar susutnilai/pelunasan tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

(i) Tanah Milik Bebas	– tidak disusutnilai
(ii) Tanah Milik Pajakan	– Kos Asal/Tempoh Pajakan
(iii) Bangunan	– 2%
(iv) Mengubahsuai Semula/ Tambahan Bangunan	– 2%
(v) Perabot dan Lengkapian	– 15%
(vi) Peralatan Pejabat	– 15%
(vii) Peralatan Elektrik	– 15%
(viii) Peralatan Elektronik	– 20%
(ix) Kenderaan	– 20%
(x) Mesin dan Jentera	– 20%
(xi) Lampu Hiasan	– 20%
(xii) Senjata	– 20%
(xiii) Ubahsuai Dalaman	– 10%

Pembelian harta modal yang tidak melebihi RM2,000 bagi setiap unit perabot, permaidani, langsir dan seumpamanya, tanpa mengira kos diambilkira sebagai perbelanjaan sebagaimana kehendak Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA).

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015—(Samb.)**

**1.3. PENGIFTIRAFAN PENDAPATAN**

- (i) Pendapatan cukai harta, pendapatan dari memproses pelan, pendapatan dari kelulusan kebenaran merancang, jualan barang-barang cetak, jualan barang-barang stor, sewaan (kecuali sewaan petak pasar malam), faedah dari simpanan tetap dan faedah dari simpanan semasa diiktiraf berdasarkan sistem akruan.
- (ii) Pendapatan dari caruman bantu kadar, lesen, permit perniagaan, pulang balik perbelanjaan dan terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan (kecuali pelunasan pemberian tertunda) diiktiraf mengikut asas tunai.

**1.4. PENGIFTIRAFAN PERBELANJAAN**

Semua perbelanjaan diambil kira berdasarkan konsep akruan apabila berlaku pindahan pemilikan, risiko, pulangan dan manfaat kepada Majlis.

**1.5. PEMBERIAN KERAJAAN**

Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi tujuan belanja mengurus atau menyelenggara diambil kira sebagai hasil Majlis pada tahun ianya diterima dan dipadankan dengan perbelanjaan yang berkaitan sepetimana diperuntukkan.

Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi membolehkan Majlis mendapat harta modal direkodkan sebagai pemberian tertunda dan akan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh hayat harta modal tersebut.

Manakala pemberian daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi melaksanakan sesuatu projek tertentu seperti projek bandar selamat dan juga pembasmian kemiskinan akan dikreditkan terus ke Kumpulan Wang bagi setiap projek yang terlibat dan perbelanjaan yang berkaitan akan dikontrakkan ke akaun kumpulan wang yang terbabit.

**1.6. PENGHUTANG**

Penghutang dan Pelbagai Penghutang adalah dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang rugu.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015—(Samb.)**

Peruntukan Hutang Ragu disediakan berdasarkan pengusiaan ke atas semua jumlah penghutang yang tertunggak melebihi 6 tahun pada tarikh lembaran imbangan. Ini adalah berdasarkan kepada prosedur laporan pengusiaan Majlis.

Jumlah yang dapat dikutip daripada baki-baki yang telah diperuntukkan sebagai peruntukan hutang rugu akan dilaraskan sebagai peruntukan hutang rugu dipulih di penyata pendapatan dalam tahun di mana ianya berlaku.

**1.7. MANFAAT PEKERJA**

**(a) Manfaat Jangka Pendek**

Upah, gaji, bonus dan elaun diakrukan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan bagi tahun di mana perkhidmatan berkaitan telah disempurnakan oleh kakitangan Majlis.

**(b) Pelan Caruman Wajib**

Seperti yang diwajibkan dalam undang-undang, Majlis dikehendaki membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Caruman tersebut akan diiktiraf sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan bagi tahun di mana perkhidmatan berkaitan telah disempurnakan oleh kakitangan Majlis.

**1.8. PENYATA ALIRAN TUNAI**

Majlis menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunai. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan penyamaan tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan dan di bank dan deposit tetap.

**1.9. PELABURAN JANGKA PANJANG**

Pelaburan jangka panjang adalah merupakan pelaburan yang mempunyai tempoh matang yang telah ditentukan. tempoh pegangan pelaburan tersebut adalah melebihi 12 bulan dari tarikh pembelian. Pada tarikh pembelian, pelaburan telah dinyatakan pada kos. Pada tarikh matang, faedah yang diterima akan diiktiraf sebagai pendapatan.

**1.10. KUMPULAN WANG PERKHIDMATAN KEMAJUAN**

Terimaan wang sumbangan daripada pemaju diambilkira di dalam akaun Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan apabila ianya diterima. Perbelanjaan bagi menaikkan taraf sistem perhubungan di kawasan persekitaran sedia ada, akibat dari kekesaan sistem lalulintas dan perparitan dari tapak pembangunan yang akan dibangunkan akan dikontrakkan ke akaun Kumpulan Wang ini apabila pembayaran dibuat.

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

356

[19hb Jan. 2017]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015—(Samb.)

### 2. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah RM	Bangunan RM	Ubahsuai Semula/ Tambahan Bangunan RM	Perabot Dan Lengkap RM	Peralatan Elektrik RM	Peralatan Elektronik RM	Kenderaan RM	Mesin Dan Jentera RM	Senjata RM	Lampu Hiasan RM	Ubahsuai Dalamam RM	Jumlah RM
2015												
Kos												
